



14 AUG, 2025

Untung TNB kekal 7.3 peratus sepanjang RP4

Sinar Harian, Malaysia



Untung TNB kekal 7.3 peratus sepanjang RP4

Sama seperti kadar ditetapkan dalam Tempoh RP2 pada 2018

KUALA LUMPUR

Kadar keuntungan Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah kawal selia kerajaan, harga keuntungan boleh diperoleh oleh TNB kekal sebanyak 7.3 peratus dalam Tempoh Kawal Selia Ke-4 (RP4) dari 2025 hingga 2027.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, kadar keuntungan TNB kekal pada 7.3 peratus dalam RP4 sama seperti kadar ditetapkan dalam Tempoh Regulatori Kedua (RP2) pada 2018.

“Sekiranya TNB mencatatkan keuntungan melebihi kadar ditetapkan, lebihan tersebut akan dipulangkan semula kepada pengguna melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik,” katanya.

Beliau menjawab soalan **Lim Guan Eng (PH-Bagan)** mengenai jumlah keuntungan tahunan dan tambahan keuntungan boleh diperoleh oleh TNB selepas kenaikan tarif elektrik se-



Jika TNB mencatatkan keuntungan melebihi kadar ditetapkan, lebihan akan dipulangkan kepada pengguna melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik.

banyak 14.2 peratus ke atas sektor komersial pada 1 Julai.

Selain itu, Lim turut ingin tahu jika kenaikan tersebut boleh ditanggihkan atau dipecahkecilkan memandangkan keuntungan TNB naik lebih 70 peratus pada 2024.

Akmal Nasrullah berkata, jumlah keuntungan ditetapkan pada

7.3 peratus adalah berpatutan dengan jumlah pelaburan yang perlu dibuat oleh TNB untuk menaik taraf dan mengukuhkan grid nasional khususnya bagi menyokong aspirasi Grid Tenaga ASEAN (APG) serta pembinaan dan penyelenggaraan loji

janakuasa, pemasangan meter pintar dan digitalisasi sistem tenaga.

Menurutnya, penetapan kadar keuntungan tersebut adalah berpatutan supaya TNB akan kekal stabil sebagai syarikat utiliti berupaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

“Pada masa sama dapat memberikan pulangan munasabah kepada pemegang-pemegang saham utama TNB terdiri daripada syarikat-syarikat pelaburan kerajaan, antaranya Khazanah Nasional Bhd, Kumpulan Wang Persaraan (Kwap) dan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), TNB telah memberikan dividen sebanyak RM15.75 bilion sejak 2018 hingga 2023,” katanya. - Bernama



AKMAL NASRULLAH